Malaysian Assurance Alliance Bhd lwn Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN BAGI SEMAKAN KEHAKIMAN NO R2-14–10–07 TAHUN 2013
ZALEHA YUSOF H
7 MEI 2014

Undang-Undang Hasil — Cukai Pendapatan — Perniagaan insurans hayat dan perniagaan am — Kerugian tidak dapat diserap dari tahun taksiran 1976 hingga 1994 — Kerugian dibawa kehadapan bagi tahun taksiran 1995 hingga 1997 — Responden tidak membenarkan tuntutan tersebut — Rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ditolak — Sama ada responden betul dalam pemakaian s 60(10A) — Sama ada amaun kerugian dibawa kehadapan bagi perniagaan insurans hayat hanya boleh diserap dari punca perniagaan insurans hayat sahaja — Sama ada tindakan perayu mencampur adukkan kerugian dana hayat, dana am dan dana pemegang saham untuk dibawa ke hadapan tahun taksiran 1995 adalah berlawanan dengan s 60(10A) dan s 60(2) — Sama ada peruntukan s 60(10A) telah dipatuhi — Sama ada tuntutan perayu telah difailkan diluar had masa — Akta Cukai Pendapatan 1967 s 60

Perayu adalah syarikat awam yang mengendalikan perniagaan insurans hayat dan semua kelas insurans am. Bagi tujuan cukai pendapatan, perniagaan perayu dibahagikan kepada tiga kategori iaitu perniagaan hayat, wang kumpulan pemegang saham dan perniagaan am. Perayu mendakwa ia mempunyai kerugian yang tidak dapat diserap dari tahun taksiran 1976–1994 berjumlah RM84,438,640 dari ketiga-tiga jenis kategori perniagaan di atas yang telah tercampur aduk. Perayu ingin menolak kerugian yang tidak dapat diserap ini dari pendapatan berkanun dalam perniagaan am dan wang kumpulan pemegang saham bagi tahun taksiran 1995–1997. Responden tidak membenarkan tuntutan tersebut dan mengeluarkan taksiran tambahan bagi tahun taksiran 1995–1997 masing-masing pada 2001 dan 2002. Tidak berpuas hati dengan taksiran tambahan, perayu memfailkan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ('PKCP'). Dalam menolak rayuan perayu, PKCP memutuskan bahawa responden adalah betul dalam pemakaian s 60(10A) Akta Cukai Pendapatan 1967 ('Akta 53') itu untuk tidak membenarkan kerugian yang tidak dapat diserapkan oleh perayu dari perniagaan hayat dari tahun taksiran 1976–1994 ditolak dari pendapatan berkanun, pernigaan am dan wang kumpulan pemegang saham dalam tahun taksiran 1995–1997. Responden juga adalah betul dengan tidak membenarkan perbelanjaan yang dituntut perayu sebagai perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan langsung dari kedua-dua perniagaan hayat dan perniagaan am bagi tahun taksiran 1987–1994 yang mengurangkan

perniagaan yang tidak dapat diserap dan dihantar ke tahun taksiran 1995–1997. Seterusnya, PKCP memutuskan bahawa responden tidak tertakluk kepada sekatan masa di bawah s 9(1) Akta 53 dalam membangkitkan taksiran tambahan terhadap perayu bagi tahun taksiran 1995 dan 1996. Tidak berpuas hati, perayu telah memfailkan permohonan ini untuk semakan kehakiman terhadap keputusan tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos:

(1) Peruntukan s 60(10A) Akta 53 memperuntukkan bahawa amaun kerugian yang dibawa kehadapan bagi perniagaan insurans hayat hanya boleh diserap dari punca perniagaan insurans hayat sahaja mulai tahun taksiran 1995. Tindakan perayu mencampur adukkan kerugian dana hayat, dana am dan dana pemegang saham untuk dibawa ke hadapan tahun taksiran 1995 adalah berlawanan dengan s 60(10A) dan s 60(2) Akta 53 (lihat perenggan 9).

(2) Seksyen 60(10A) Akta 53 yang berkuat kuasa mulai tahun 1995 telah dipatuhi oleh responden dalam membuat pengiraan kerugian tahun sebelum tahun 1995 tersebut untuk digunakan terhadap tahun taksiran 1995 hingga tahun taksiran 1997. Responden hanya mengambil kira kerugian dari perniagaan hayat sahaja untuk digunakan terhadap pendapatan statutori dana hayat mulai tahun taksiran 1995 dan tahun kehadapan. Tidak timbul isu bahawa responden telah menggunakan peruntukan s 60(10A) itu secara retrospektif. Tindakan responden itu adalah satu tindakan yang sah seperti yang telah diperuntukan oleh Akta 53. Seksyen 60(10A) Akta 53 jelas memperuntukan bahawa mulai tahun taksiran 1995, pendapatan statutori dari 'life fund' hanya boleh diserap dari kerugian tahun-tahun sebelum dari kerugian perniagaan hayat sahaja (lihat perenggan 12).

(3) Selain daripada itu adalah didapati bahawa notis taksiran 1995 dan bagi tahun taksiran 1996 dan 1997 itu adalah dalam tempoh enam tahun mengikut s 91(1) Akta 53 dan dengan sedemikian, tidak timbul isu taksiran itu melangkaui tempoh had masa yang ditetapkan (lihat perenggan 14).

[**English summary**

The appellant was a public-listed company which operated an insurance business and all classes of general insurance. For the purpose of income tax, the appellant's businesses were divided into three categories, namely, life business, shareholders' funds and general business. The appellant claimed that it suffered losses that could not be absorbed from the assessment years of 1976 to 1994 in the amount of RM84,438,640 from the three categories of business which had been mixed up. The appellant wanted to set off the losses which had been absorbed from statutory income in general business and shareholders' funds for

the assessment years of 1995 to 1997. The respondent did not allow the claim and issued the additional assessment for the assessment years of 1995 to 1997 each, for 2001 and 2002. Dissatisfied with the additional assessment, the appellant filed an appeal to special commissioner of income tax ('SCIT'). In dismissing the appellant's appeal, the SCIT decided that the respondent was correct in the application of s 60(10A) of the Income Tax Act 1967 ('the Act 53') in not allowing the losses to be absorbed by the appellant from life income from the assessment years of 1976 to 1994 set off from the statutory income, general business and shareholders' funds for the assessment years of 1995 to 1997. The respondent was also correct in rejecting the expenditure claimed by the appellant as the management expenditure and direct expenditure from both the lifetime income and general business for the assessment years of 1987 to 1994 which set off the business which could not be absorbed and carried forward to the assessment years of 1995 to 1997. Next, the SCIT held that the respondent was not subjected to any time limit under s 9(1) of the Act 53 in invoking the additional assessment against the appellant for the assessment years of 1995 to 1996. Dissatisfied, the appellant filed this application for a judicial review against the decision.

Held, dismissing the appeal with costs:

(1) Provisions s 60(10A) of the Act 53 provided that the amount of losses carried forward for the lifetime business insurance could be absorbed from the business source of the lifetime insurance only from the assessment year of 1995. The appellant's act of mixing the losses of the lifetime, general and shareholders' funds to be carried forward to the assessment year of 1995 was in contradiction of ss 60(10A) and 60(2) of the Act 53 (see para 9).

(2) Section 60(10A) of the Act 53 which came into effect in 1995 was complied with by the respondent in calculating the losing year before 1995 to be utilised for the assessment years of 1995 to 1997. The respondent only took into account losses from lifetime business to be used for the statutory income funds for the assessment year of 1995 and the year after. The issue of the respondent's application of s 60(10A) retrospectively did not arise. The respondent's action was a valid action provided by Act 53. Section 60(10A) of the Act 53 clearly stipulated that from the assessment year of 1995, the statutory income from life fund could be absorbed from the losing years before the losses of the lifetime business (see para 12).

(3) Aside from that, it was discovered that the assessment years of 1995 and for the years 1996 and 1997 were within the period of six years under s 91(1) of the Act 53 and therefore, the issue of the assessment being out of the time prescribed did not arise (see para 14).]

Undang-undang yang dirujuk

Akta Cukai Pendapatan 1967 ss 9(1), 33(1), 43(2), 60, (2), (3), (3)(a), (b), (3)(a)(ii), (3)(b), (3)(b)(i), (3)(b)(ii), (3A)(a)(ii), (3A)(b)(i), (5)(b)(iv), (10A), (5)(a)(ii), (5)(b)(vi), 91(1)
Akta Insurans 1996 s 16
Akta Kewangan 1995 s 3(1)
Akta Syarikat 1965

Vijey M Krishnan (Chan Ee Leen with him) (Raja, Darryl & Loh) bagi pihak pemohon.
Abdul Aziz bin Harun (Nur Farzana bt Mohammad Puat with him) (Peguam Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Zaleha Yusof H

[1] Perayu adalah syarikat awam yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 2 September 1968. Perniagaan utama perayu adalah perniagaan insurans hayat dan semua kelas insurans am. Perayu dilesenkan di bawah s 16 Akta Insurans 1996 ('Akta 553') untuk menjalankan perniagaannya. Perniagaan perayu tertakluk kepada s 60 Akta Cukai Pendapatan 1967 ('Akta 53').

[2] Bagi tujuan cukai pendapatan, perniagaan perayu dibahagikan kepada tiga kategori iaitu perniagaan hayat, wang kumpulan pemegang saham dan perniagaan am. Perayu mendakwa ia mempunyai kerugian yang tidak dapat diserap dari tahun taksiran 1976–1994 berjumlah RM84,438,640 dari ketiga-tiga jenis kategori perniagaan di atas yang telah tercampur aduk. Perayu ingin menolak kerugian yang tidak dapat diserap ini dari pendapatan berkanun dalam perniagaan am dan wang kumpulan pemegang saham bagi tahun taksiran 1995–1997. Responden tidak membenarkan tuntutan tersebut dan mengeluarkan taksiran tambahan bagi tahun taksiran 1995–1997 masing-masing pada 2001 dan 2002.

[3] Perayu membuat tuntutan bahawa realisasi deposit tetap sebagai hasil kasar yang boleh diterima apabila merealisasikan pelaburan, diambil kira dalam menghitung amaun yang boleh dipotong dari perbelanjaan pengurusan, dimana tidak dipersetujui oleh responden. Responden mengeluarkan borang-borang berikut (dirujuk secara kolektif sebagai notis-notis taksiran):

(a) Borang J bagi tahun taksiran ('T/T') 1995 bertarikh 5 Jun 1995;

(b) Borang J bagi T/T 1996 bertarikh 3 Oktober 96;

(c) Borang J bagi T/T 1997 bertarikh 11 Oktober 97;

(d) Borang J bagi T/T 1998 bertarikh 2 November 98;

A (e) Borang JA bagi T/T 1995 bertarikh 10 November 01;

(f) Borang JA bagi T/T 1996 bertarikh 18 Jun 02;

(g) Borang JA bagi T/T 1997 bertarikh 22 November 02;

B (h) Borang JA bagi T/T 1998 bertarikh 22 November 02;

(i) Borang JA bagi T/T 1996 bertarikh 19 Disember 02;

(j) Borang JA bagi T/T 1997 bertarikh 19 Disember 02;

(k) Borang JR bagi T/T 1995 bertarikh 22 Disember 08;

C (l) Borang JR bagi T/T 1996 bertarikh 22 Disember 08;

(m) Borang JR bagi T/T 1997 bertarikh 23 Disember 08; dan

(n) Borang JR bagi T/T 1998 bertarikh 24 Disember 08.

D

[4] Tidak berpuas hati dengan taksiran tambahan di (e), (i) dan (j), perayu memfailkan notis rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ('PKCP') melalui Borang Q bertarikh 21 Julai 09 bagi T/T 1995, 1996 dan 1997, selepas permohonan dalam Borang N telah diluluskan.

E

[5] Pendirian perayu:

(a) Isu pertama

Seksyen 60(10A) Akta 53 tidak boleh diberi kesan kuat kuasa kebelakangan. Maka perayu berhak untuk menyimpan kerugian yang tidak dapat diserap sepenuhnya yang timbul sebelum tahun taksiran 1995 dalam bentuk aggregrate dan menggunakannya menurut s 43(2) Akta tersebut;

F

(b) Isu kedua

G

(i) responden adalah dihalang dibawah s 91(1) Akta 53 dalam tidak membenarkan pemotongan perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan terus yang dituntut perayu dari tahun taksiran 1987–1994. Had masa adalah persoalan undang-undang dan tidak perlu dinyatakan secara spesifik dalam Borang Q;

H

(ii) perbelanjaan pengurusan boleh dipotong di bawah ss 60(3)(b)(ii) dan 60(5)(b)(iv) Akta 53. Maka responden sepatutnya membenarkan pemotongan tersebut; dan

I

(iii) responden sepatutnya membenarkan tuntutan perayu bagi pemotongan perbelanjaan pelaburan, faedah dalam overdraft di bank, pengurangan nilai dalam pelaburan tersenarai yang tidak direalisasikan;

(c) Isu ketiga

(i) responden adalah dihalang had masa di bawah s 91(1) Akta 53 dalam tidak membenarkan kemasukkan jumlah yang diterima perayu berdasarkan kematangan atau peningkatan deposit tetap akibat realisasi pelaburan, memandangkan pengiraan semula taksiran bagi tahun taksiran 1990–1994 telah dibuat selepas had masa enam tahun; dan

(ii) deposit tetap dan perjanjian pembelian semula (*repo*) adalah pelaburan perayu dan realisasinya mesti diambil kira dalam formula untuk menghitung jumlah amaun yang akan dipotong dalam perbelanjaan pengurusan bagi perniagaan hayat menurut s 60(3)(a) dan (b) Akta 53.

[6] Pendirian responden:

(a) Isu pertama

(i) pemotongan kerugian yang tidak dapat diserap yang timbul sebelum tahun taksiran 1995 berkenaan perniagaan insurans hayat perayu hanya dapat dibuat terhadap pendapatan berkanun bagi dana hayat bagi tahun taksiran 1995 dan tahun-thaun seterusnya seperti dinyatakan dalam s 60(10A) Akta 53; dan

(ii) isu bahawa s 60(10A) Akta 53 diaplikasi secara kebelakangan tidak timbul memandangkan s 3(1) Akta Kewangan 1995 dengan jelas memperuntukkan bahawa s 60(10A) akan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1995 dan taksiran tahun-tahun selanjutnya;

(b) Isu kedua

(i) had masa tidak diplidkan dalam Borang Q. Maka Perayu tidak boleh menimbulkan isu ini semasa hujahan. Responden mendakwa terdapat elemen kecuaian dalam cara perayu menyediakan pengiraan cukai, yang menyebabkan kekeliruan;

(ii) s 33(1) Akta 53 tidak terpakai bagi tuntutan perayu untuk pemotongan. Tuntutan perayu bagi perbelanjaan pengurusan adalah tertakluk kepada s 60(3)(b)(i) Akta 53 dan pendirian peguam perayu adalah tidak konsisten dengan pengiraan cukai oleh perayu sendiri dan surat-surat rayuan dari agen cukai; dan

(iii) adalah salah bagi perayu menuntut sebarang pengurangan nilai pelaburan tersenarai sebelum realisasi sebenar perlaburan tersebut;

(c) Isu ketiga

Hujahan perayu berkenaan had masa tidak patut diambil kira. Isu *repo* juga tidak ditimbulkan oleh perayu terlebih dahulu dan tidak patut diambil kira. Bagi deposit tetap, ia perlu dibezakan dengan jenis pelaburan yang lain kerana kematangan atau peningkatan deposit

tetap adalah berbeza dari tindakan realisasi jenis pelaburan yang lain. Maka ia tidak terjatuh di bawah s 60(3) Akta 53.

[7] Isu untuk dibicarakan:

(a) sama ada responden adalah betul dalam menggunakan s 60(10A) Akta 53 bagi kerugian yang tidak dapat diserap perayu bagi perniagaan hayat dari tahun taksiran 1976–1994 berjumlah RM84,438,640 dan dalam tidak membenarkan penggunaan kerugian tersebut dibawa kehadapan bagi diguna terhadap pendapatan berkanun dalam perniagaan am dan wang kumpulan pemegang saham bagi tahun taksiran 1995–1997;

(b) sama ada responden adalah betul dalam tidak membenarkan perbelanjaan yang dituntut perayu sebagai perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan terus dari perniagaan hayat dan perniagaan am bagi tahun taksiran 1987–1994, yang menyebabkan pengurangan kerugian yang tidak dapat diserap, dapat dibawa ke hadapan bagi tahun taksiran 1995–1997; dan

(c) sama ada responden adalah betul dalam tidak mengambil kira jumlah diterima perayu dari kematangan atau peningkatan deposit tetap bagi tahun taksiran 1990–1994 sebagai realisasi pelaburan bagi tujuan s 60(3)(a) dan (b) Akta 53, dan menyebabkan pengurangan kerugian yang tidak dapat diserap yang dapat dibawa ke hadapan bagi tahun taksiran 1995.

[8] Keputusan PKCP:

(a) responden adalah betul dalam pemakaian s 60(10A) Akta 53 itu untuk tidak membenarkan kerugian yang tidak dapat diserapkan oleh perayu dari perniagaan hayat dari tahun taksiran 1976–1994 ditolak dari pendapatan berkanun, pernigaan am dan wang kumpulan pemegang saham dalam tahun taksiran 1995–1997;

(b) responden adalah betul dengan tidak membenarkan perbelanjaan yang dituntut perayu sebagai perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan langsung dari kedua-dua perniagaan hayat dan perniagaan am bagi tahun taksiran 1987–1994 yang mengurangkan perniagaan yang tidak dapat diserap dan dihantar ke tahun taksiran 1995–1997;

(c) responden tidak tertakluk kepada sekatan masa di bawah s 9(1) Akta 53 dalam membangkitkan taksiran tambahan terhadap perayu bagi tahun taksiran 1995–1996; dan

(d) berdasarkan penemuan-penemuan ini, menolak rayuan sebulat suara dan mengekalkan notis taksiran JA untuk tahun taksiran 1995 bertarikh

10 November 2001, notis taksiran JA bagi tahun taksiran 1996 bertarikh 19 Disember 2002 dan notis taksiran JA bagi tahun taksiran 1997 bertarikh 19 Disember 2002.

KEPUTUSAN

[9] Saya telah meneliti kertas-kertas kausa dan hujahan kedua-dua pihak dan saya bersetuju dengan hujahan responden bahawa peruntukan s 60(10A) Akta 53 memperuntukkan bahawa amaun kerugian yang dibawa kehadapan bagi perniagaan insurans hayat hanya boleh diserap dari punca perniagaan insurans hayat sahaja mulai tahun taksiran 1995. Tindakan perayu mencampur adukkan kerugian dana hayat, dana am dan dana pemegang saham untuk dibawa ke hadapan T/T 1995 adalah berlawanan dengan s 60(10A) dan 60(2) Akta 53.

[10] Perlulah diingat bahawa rayuan ini adalah melibatkan taksiran yang dikeluarkan terhadap perayu bagi tahun-tahun taksiran 1995, 1996 dan 1997. Saya dapati dalam membangkitkan taksiran tersebut responden telah mengambil kira kerugian perniagaan hayat di dalam tahun-tahun sebelum tahun taksiran tersebut untuk diserap di dalam tahun taksiran 1995–tahun taksiran 1997.

[11] Di dalam keputusannya di ms 27 kes dinyatakan PKCP menyebut seperti di bawah:

3.12	A perusal of section 60(10A) will answer the following questions:
Question :	what is available for deduction against the statutory Income?
Answer :	any unabsorbed losses of the life business
Question :	What is it in respect of?
Answer :	in respect of the life fund of the insurer
3.13	Therefore the appellant cannot insist on deducting the unabsorbed Amalgamated Losses from the previous YAs, (which is made up of losses from its Life Business, General Business and Shareholder's Fund), from its Life Fund when it is abundantly clear that Parliament had intended that from YA 1995, any absorbed losses of the Life Business can only be carried forward for deduction against the adjusted income of the Life Fund of the appellant. It is provided in section 3 of the Finance Act 1995 instead of commencing in YA 1995 to categorize its losses separately in respect of each of the category of business and then deducting only the loss pertaining to that category of business against that particular stream of income, even if the loss had been incurred prior to YA 1995. Thus, even though the appellants is unhappy with the amendment on the method of ascertainment of its unabsorbed losses commencing from YA 1995, it has to comply

with S60(10A) when submitting its returns as that is the law in force from YA 1995.

3.14 The appellant has wrongly viewed the amendment as being retrospective in application even though there is no retrospective application of the amendment. The amendment merely provides that going forward from YA 1995 onwards, the appellant cannot use its Amended Losses carried forward to reduce its statutory income pertaining to Life Fund. What the appellant can do is to use any unabsorbed losses of the Life Business to deduct against the statutory income in respect of its Life Fund. The unabsorbed losses pertaining to General Business Fund and likewise for the Shareholder's Fund, the unabsorbed losses at the Shareholder's Fund is only available for deduction in respect of the Shareholder's Fund is only available for deduction in respect of the Shareholder's Fund. This is in line with the general scheme of the Act where in Section 60(2), it is provided that 'where an insurer carries on life business and the general business shall be treated as separate insurance business and the general business in conjunction with general business, the life business and the general business shall be treated as separate insurance business.' Thus, we are of the view that what the respondent had done to segregate the Amalgamated Losses into the 3 different categories, i.e the Life Business, the General Business and Shareholders' Fund for the purpose of ascertaining the amount of losses to be carried forward in respect of each category of business of the appellant commencing from YA 1995 is correct in law for the purpose of putting into effect the clear provisions and intent of Parliament as envisaged by the amendment to section 60 of the Finance Act 1995. Therefore, there cannot be a single unabsorbed business loss carried forward after YA 1995 as had been practiced by the appellant and allowed by the respondent before the amendment based on the clear words of section 60(10A0 and the date of commencement of the amendment as set out in section 3(1) and section 12(f) of the Finance Act 1995.

3.15 The inclusion of the other view new sections to the Act via the same Finance Act 1995 also assisted us to come to the conclusion that commencing from YA 1995, the statutory income, unabsorbed losses or allowance of the appellant must be separately recognized and calculated. The sections are the new section 60(10B), section 60(10C) and section 60AB. In Malaysian Taxation Fourth Edition Butterworth's by Dr Chin Yoong Kheong at p 525, the learned author noted that —

> the taxation of life insurance companies has been subject to various reforms over the years. With effect from Year of Assessment 1995, the income of a life insurance company is segregated into two separate sources for incoterm tax purposes tax purposes pursuant to section 60(2)(c). The income of the life fund and the income of the shareholders' fund are treated as separate sources of income.

[12] Saya bersetuju dengan responden bahawa s 60(10A) Akta 53 yang berkuat kuasa mulai tahun 1995 telah dipatuhi oleh responden dalam membuat pengiraan kerugian tahun sebelum tahun 1995 tersebut untuk digunakan terhadap tahun taksiran 1995–tahun taksiran 1997. Responden hanya mengambil kira kerugian dari perniagaan hayat sahaja untuk digunakan terhadap pendapatan statutori dana hayat mulai tahun taksiran 1995 dan tahun kehadapan. Tidak timbul isu bahawa responden telah menggunakan peruntukan s 60(10A) itu secara retrospektif. Pada pandangan saya, tindakan responden itu adalah satu tindakan yang sah seperti yang telah diperuntukan oleh Akta 53. Pada pandangan saya s 60(10A) Akta 53 jelas memperuntukan bahawa mulai tahun taksiran 1995, pendapatan statutori dari 'life fund' hanya boleh diserap dari kerugian tahun-tahun sebelum dari kerugian perniagaan hayat sahaja.

[13] Berkenaan dengan potongan perbelanjaan pengurusan, saya bersetuju dengan responden bahawa pihak perayu seperti yang ditunjukkan di dalam eksh E, telah memohon pemotongan secara langsung tanpa mengikut formula sedangkan mengikut s 60(3)(a) dan (b) Akta 53, terdapat formula tertentu yang perlu diikuti. Berkenaan dengan 'impairment in value of quoted investment' saya mendapati bahawa saksi perayu sendiri, AW1 telah mengakui bahawa 'impairment in value of quoted investment' hanya satu 'provision' yang tidak melibatkan kerugian sebenar kerana tidak wujud pelupusan saham pada masa tersebut dan tuntutan kerugian hanya boleh dibuat apabila berlaku pelupusan sebenar. Justeru, adalah salah untuk perayu menuntut 'impairment in value of quoted investment' sebagai perbelanjaan yang dibenarkan di bawah peruntukan ss 60(3)(a)(ii) dan (b)(i), 60(3A)(a)(ii) dan (b)(i), 60(5)(a)(ii) dan (b)(vi) berdasarkan sifat 'impairment in value of quoted investment' itu sendiri yang haya sebagai 'provisions' di dalam perakuan. Perayu sepatutnya tidak menuntut 'impairment in value of quoted investment' dalam pengiraan untung bersih pelaburan berdasarkan alasan yang dinyatakan di atas kerana ia akan mengakibatkan 'misleading' dan kekeliruan dalam penyediaan akaun perayu. Dalam hal ini, saya bersetuju dengan dapatan PKCP di dalam perenggan 3.28 dan 3.29 kes yang dinyatakan seperti yang berikut:

> 3.28 We agree with the respondent's submission that 'impairment in value of quoted investment' is not an allowable claim as thre must be actual realisation of the investment before any loss can be deducted. In *Colonial Mutual Life Assurance Society Limited v Fedral Commissioner of Taxation* [1946] 73 CLR 604 at p 620, it was held by the High Court of Australia following a decision of Rowlatt J in *Royal Insurance Co Ltd v Stephen* [1928] 14 Tax Cas, at pp 28 159 that:
>
> > At the bottom of this principle of waiting for a realisation, I think there is idea: while an investment is going up or down for Income Tax purposs the company cannot take any notice of fluctuations, but it has to take notice of them when all state of affaris come to an end ... when an investment ceases to fugure the company's affairs, when it is known exactly what the holding of that investment

has meant, plus or minus to the company, and the company starts so far as that portion of its resources is concerned with a new investment. Then one knows where one is and it is no longer a question of paper, it is a question of fact and that is a realisation.

3.29 S60(3)(b)(i) make it very clear that it must be the 'cost of acquiring and realizing' the investments or rights that can be deducted. Thus the book value of any losses cannot be deducted. The appellant has also agreed to this point at para 6.4.5 a p 27 of its submission. Furthermore, according to the appellant, 'the impairment in value of quoted investment for the life and general business of the appellant amounting to RM21,200.00 is an investment loss of RM266,163 and RM20,933,837 which was subsequently realized in the Years of Assessment 1989 and 1990 respectively by the sale of investments'. If that is the case, then we are of the view that an appeal should have been made against assessments for YA 1989 and 1990 and not via this appeal.

[14] Selain daripada itu saya juga mendapati bahawa notis taksiran 1995 itu adalah bertarikh 10 November 2001 dan bagi tahun taksiran 1996 dan 1997 itu kedua-duanya bertarikh 19 Disember 2002. Justeru, taksiran-taksiran itu adalah dalam tempoh enam tahun mengikut s 91(1) Akta 53; dan dengan sedemikian, tidak timbul isu taksiran itu melangkaui tempoh had masa yang ditetapkan.

[15] Saya juga bersetuju dengan pihak responden bahawa isu kedua dan ketiga yang dibangkitkan oleh perayu bukanlah isu yang perlu dibicarakan kerana ia berlaku antara tahun-tahun taksiran 1976–1994. Tiada pelarasan cukai dibuat oleh responden, tiada notis taksiran dikeluarkan oleh responden dan tiada Borang Q difailkan oleh perayu bagi tahun-tahun tersebut. Untuk perayu membangkitkan isu kedua dan ketiga, perayu perlu memfailkan Borang-Borang Q bagi tahun-tahun taksiran 1976–1994 terlebih dahulu. Perayu sendiri tidak pernah menghujahkan bahawa tiada taksiran tambahan dikeluarkan untuk tahun-tahun tersebut yang menyebabkan tiada rayuan dibuat.

KESIMPULAN

[16] Berdasarkan alasan-alasan di atas, dan setelah meneliti hujahan-hujahan kedua-dua pihak, saya bersetuju sepenuhnya dan menerimapakai hujahan pihak responden dan berpendapat tiada sebab untuk mahkamah ini menganggu dapatan PKCP. Oleh itu, rayuan ini ditolak dengan kos.

Rayuan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamad